

BERITA HARIAN

BAHANA MUFLIS

Kesan tidak bayar ansuran pinjaman, kad kredit hingga hutang bertimbun

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bharian.com.my

KEGAGALAN membayar ansuran pinjaman atau hutang kad kredit boleh membawa padah. Apabila anda gagal menjelaskan pinjaman, institusi kewangan akan mengambil tindakan mahkamah terhadap anda.

Jika ia pinjaman kenderaan, institusi kewangan akan menarik balik dan menjual kenderaan anda. Jika pinjaman perumahan, institusi kewangan akan merampas rumah berkeajaan dan melelongnya.

Andainya hasil lelongan tidak mencukupi untuk men-



jelaskan hutang sepenuhnya, institusi kewangan akan mengambil tindakan terhadap anda (dan/atau penjamin, jika ada) untuk menuntut baki hutang.

Bagi pinjaman tanpa caga-

ran, institusi kewangan mempunyai beberapa pilihan untuk melaksanakan penghakiman yang diperoleh untuk mendapatkan semula hutang mereka.

Ini termasuk perintah rasmi rampasan dan jualan; saman

prosiding 'garnishee'; saman penghutang penghakiman dan petisyen kebangkrutan ke atas peminjam (dan/atau penjamin, jika ada).

Ketika ini, petisyen kebangkrutan hanya boleh dimulakan jika jumlah hutang terkumpul mencecah RM30,000 ke atas.

Jika anda diisytiharkan bankrap, ada banyak sekatan dari segi undang-undang yang akan dikenakan. Pada umumnya, anda tidak boleh melakukan beberapa perkara seperti berikut.

■ Memegang apa-apa jawatan awam tanpa kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi

Malaysia (KPJIM)

■ Meneruskan sebarang tindakan mahkamah tanpa izin KPJIM

■ Meninggalkan negara tanpa perintah mahkamah atau kebenaran KPJIM

■ Menjadi pengarah syarikat atau menjalankan perniagaan atau terbabit dalam pengurusan syarikat tanpa kebenaran mahkamah atau KPJIM

■ Membabitkan diri dalam pengurusan syarikat atau menjadi pekerja di syarikat yang dimiliki oleh pasangan atau saudara

terdekat dan pasangan anda

■ Menjadi ahli jawatankuasa mana-mana badan berdaftar

■ Tidak boleh membuat sebarang pinjaman melebihi RM1,000 tanpa memaklumkan kepada pemiutang mengenai status kebangkrutan

Jika anda gagal membuat bayaran ke atas pinjaman, segera dapatkan nasihat. Usaha tunggu sehingga masalah berlarutan dan tidak terkawal. Lebih cepat anda mendapatkan bantuan, semakin mudah hendak menyelesaikan masalah anda.